

Catatan Kuliah Subuh - Ustaz Babar pada 04.08.07

- Cinta pada Nabi dan Rasulullah merupakan satu tuntutan. Oleh itu kita kena mengamalkan sunnah nabi sepanjang masa dan hayat kerana ia merupakan satu "practical" untuk diri kita sendiri. Bila kita tinggalkan sunnah menyebabkan hidup kita tidak mendapat rahmat;
- Walaupun binatang seperti babi itu jika dibela dan dimakan hukumnya haram tetapi jika kita menyeksa binatang ini nanti diakhirat kelak binatang ini akan menyeksa kita balik sebagaimana kita menyeksa mereka;
- Jika kita mempunyai perasaan baik, maka perasaan baik ini akan membawa kita ke syurga tetapi jika kita mempunyai perasaan jahat, maka perasaan jahat ini akan mengheret kita ke neraka. Perasaan jahat seperti sombong, tidak boleh ditegur adalah sifat syaitan. Dengan adanya sunnah nabi ianya boleh membantu kita menukar perasaan jahat kepada perasaan baik lalu membawa kita ke syurga;
- Sifat sombong adalah sifat kafir and sifat syaitan. Akan tetapi sifat sombong ini boleh membawa kesyurga seperti mempunyai sifat sombong dalam bab peperangan dengan musuh musuh Islam. Kita mestilah mempunyai perasaan sombong dengan musuh musuh Islam yang menunjukkan kita tidak gentar dengan mereka. Contoh pada zaman ini dimana negara Iran tidak pernah rasa takut dan gentar serta sombong dengan negara Amerika;
- Sifat dengki kita boleh gunakan kearah kebaikan. Dengki kepada 2 perkara:-
 1. seseorang lelaki yang dianugerahkan harta dan dia menghabiskan hartanya kearah kebaikan and menuju kearah Islam.
 2. seseorang yang ada ilmu dan dia mengamalkan ilmu itu bahkan mengajarkan ilmu yang dipelajarinya.Kita kena ada perasaan dengki pada 2 perkara diatas dengan berlumba-lumba dan bercita-cita untuk menjadi seperti mereka. Jika kita ada sifat dengki yang sedemikian boleh mengheret kita kesyurga.
- 4 kelebihan mempelajari ilmu:-
 1. mendapat ketenangan - luaran dan dalaman. Ketenangan dari segi minda dimana kita tahu membezakan yang mana baik dan yang mana buruk, kita juga dapat membezakan yang mana halal dan yang mana haram. Kita juga dapat ketenangan dari segi jasad iaitu kita diberi kesihatan fizikal yang sihat dan baik. Ketenangan dari sudut harta pula, kita akan sentiasa merasakan harta yang kita ada sentiasa cukup.
 2. dapat anugerah rahmat Allah. Rahmat ini adalah sebagai tiket untuk kita ke syurga. Untuk mendapat rahmat Allah kita kena beribadat, untuk beribadat kita kena berilmu. Itu sebab pentingnya ilmu untuk meningkatkan kualiti ilmu kita.
 3. kita akan sentiasa dikelilingi oleh para malaikat-malaikat. Antara tugas malaikat itu ialah meminta Allah mengampunkan dosa-dosa kita dan menahan bala yang akan menimpa kita.
 4. nama kita akan disebut-sebut dikalangan para malaikat-malaikat dan juga kita akan mendapat pujian dari Allah.
- Tugas para Rasul adalah untuk menyucikan hati umat-umatnya. Bila hati kita telah disucikan maka hendaklah kita isi dengan ilmu-ilmu agama serta ilmu yang bersumberkan al-quran dan hadis.

- Golongan yang sentiasa hendak melawan peraturan Allah, adalah kebanyakannya dari golongan yang cerdik pandai dan golongan pemerintah sejak dari zaman nabi lagi.

Catatan diambil oleh : Norhanizah Mohamad